

Utama &gt; News &gt; Pandangan

[Share](#) | [f](#) | [t](#) | [e](#) | [p](#)
[Program Langganan Sukarela](#)
[f](#) Like Confirm

[Cetak](#) | [Kongsi](#) Saiz Teks: [k](#) [s](#) [B](#)

## AWER: Kerajaan mesti berkeras lindungi kepentingan rakyat

S.Piarapakaran | Dec 28, 2011 04:05:13 pm

[Pandangan](#)

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) ingin mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Tenaga kerana mengambil langkah berani untuk membuka bidaan terbuka bagi menggantikan PPA generasi pertama.

Pembukaan bidaan kepada entiti yang mempunyai equiti daripada luar negara sehingga 49% akan membantu Malaysia membawa lebih banyak pemain industri untuk melabur dalam teknologi yang lebih baik dan cekap (*efficient*). Kami berharap untuk melihat entiti perniagaan yang berkebolehan menguruskan loji-loji penjana ini melalui proses bidaan terbuka yang telus dan adil.

AWER juga menyeru kepada Suruhanjaya Tenaga supaya Penjana Bebas (IPP) generasi pertama yang tidak berunding semula tidak dibenarkan (disenarai-hitamkan) untuk membuat bidaan untuk projek ini dan mana-mana projek penjana yang baru selepas ini. Penyenaraian hitam ini juga patut dipanjangkan kepada pemegang-pemegang saham dan ahli-ahli lembaga pengarah daripada Penjana Bebas, anak syarikat serta syarikat induk Penjana Bebas tersebut. Tiada pemegang saham dan ahli lembaga pengarah ini dibenarkan untuk terlibat dalam bidaan projek penjana baru melalui sebarang syarikat baru atau entiti tertentu. Kerajaan juga tidak perlu risau dalam langkah membuang lintah darat sebegini kerana ia adalah sesuatu yang betul untuk dilaksanakan dan berdasarkan prinsip perniagaan yang biasa. Ia juga akan membantu untuk melindungi kepentingan negara.

Tambahan pula, sistem penetapan tarif yang telus mesti dilaksanakan. Ini adalah beberapa langkah yang mesti dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA):

I. Audit perbelanjaan model (*capital expenditure* - CAPEX) dan perbelanjaan operasi (*operational expenditure* - OPEX) untuk penjana, penghantaran, pembahagian dan perkhidmatan sokongan.

II. Menanda aras (*benchmarking*) kos perkhidmatan bekalan elektrik mengikut taraf antarabangsa.

III. Pembezaan kos-kos melibatkan perkhidmatan elektrik dan bukan perkhidmatan elektrik. Perkhidmatan bukan elektrik seperti kos operasi sebuah universiti tidak patut ditanggung melalui tarif elektrik.

IV. Pelaburan semula merupakan langkah penting untuk memastikan kecekapan berterusan dalam penjana dan bekalan elektrik untuk meminimumkan kos operasi.

V. Penetapan tarif secara punitif dan perlu mewakili penggunaan setiap sektor. Tarif Khas Industri (*Special Industry Tarif*) mesti dimansuhkan.

VI. Penglibatan semua lapisan masyarakat dalam proses penetapan tarif untuk memastikan ketelusan dan pemahaman jelas adalah komponen penting.

### Terkini

- [AWER: Kerajaan mesti berkeras lindungi kepentingan rakyat](#)
- [Salahguna Wang Zakat: Mengapa Jamil Khir terus diam membisu?](#)
- [Khir Toyo: Keadilan akan muncul juga suatu hari nanti](#)
- [Tahun 2012: Tercapaikah impian orang tua?](#)
- [Program transformasi ekonomi: Kerajaan mengelak dari jawab isu yang dibangkitkan](#)
- [Perhimpunan tanpa permit di 12 lokasi SLC gesa kerajaan wajibkan Lynas jalankan DEIA](#)
- [Cetuskan huru-hara: Saifuddin tuduh UMNO siar fitnah](#)
- [SMM akan adakan himpunan di hadapan UPSI](#)
- [Aziz Bari mungkin bertanding di Sabak Bernam](#)

### Antara yang terhangat

- [Penerbit letak jawatan, dedah ntv7 menerima aduan Rosmah](#)
- [Lagi catatan seorang peserta Cina: Saya terpegun melihat polis memukul Melayu](#)
- ["Perutnya lebih buncit": Anwar nafi dirinya watak dalam video seks](#)
- [Lagi mangsa keganasan polis: "Polis pukul saya kerana mahu duit!"](#)
- [Kemunculan KDSB dan kebangkitan Tiong...](#)
- [Satu lagi catatan 709 yang terharu buat 1Malaysia: Jika itu ajaku..](#)
- [Peningkatan kos RM1.43 bilion Ketua Hakim Negara terlibat](#)
- [Kamalanathan sah Sarjana Muda Komunikasi Edith Cowan University](#)
- [Permatang Pasir: PR menang di semua saluran](#)
- [Bekas TUDM dakwa dipenjarakan kerana adu kesalahan pegawai atasan](#)

### Galeri Gambar

[Selanjutnya](#)

709 Bersih 2



Merdeka Review BM  
Fans Club on Facebook

[f](#) Like  
Confirm

You like it  
Page · Ins  
You like it



VII. Mekanisma penyaluran kos bahan api (*fuel cost pass-through mechanism*) yang telus mesti dilaksanakan untuk memastikan kos bahan api yang sesuai dan kecekapan penajaan ditetapkan pada nilai optimum.

Kerajaan Persekutuan mesti BERKERAS dalam melindungi kepentingan rakyat dan pembangunan negara. Malaysia memerlukan industri elektrik yang cekap dan efektif untuk memastikan kita dapat bersaing dalam situasi ekonomi global yang kompetitif.

\*S.Piarapakaran (gambar kiri) selaku Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER).


JOIN US AT:

**Merdeka Review BM Fans Club**  
on Facebook

Like

You like this. · Admin

6,797 people like **Merdeka Review BM Fans Club**. 6,796 people like **Merdeka Review BM Fans Club**.



Facebook social plugin

sebelumnya:

[Khair Toyo: Keadilan akan muncul juga suatu hari nanti](#)

seterusnya:

[Salahguna Wang Zakat: Mengapa Jamil Khir terus diam membisu?](#)



**Admax supports Eco-Living**

*Click here for 10 easy things you can do today to go green!*



[CARI Diy Day Banner](#)

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

**1 Like = \$1 USD**  
from corporate sponsors to end poverty.  
[www.facebook.com/WeDay](http://www.facebook.com/WeDay)

**WE DAY** initiative  
innity

**DigitalPorter**  
BLU-RAY MOVIE  
RENTAL IN MALAYSIA

[Advertise here \( RM10/day \)](#)

[CARI Diy Day Banner](#)

**Ray-Ban**  
GENUINE SINCE 1937

Order now at - [www.ispec2u.com](http://www.ispec2u.com)

[Kenali Kami](#) | [Hubungi Kami](#)

2005-2009©Knowledge Venture Sdn Bhd -

[Designed by I-Tea Technology](#)

Hosted by [Jpserverone.com](#)